

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMPUT ]**

**TARIKH : 14MAC 2016**

**RUJUKAN : 8569**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada PDRM telah menyasat dakwaan bekas komando polis Sirul Azhar Umar berkaitan lima nama individu yang cuba merasuah dan memujuk beliau mengaitkan Perdana Menteri dalam kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu dan status terkini ekstradisi Sirul pulang ke Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis telah menerima laporan berkaitan Jalan Tun Razak report 1169/16 mengenai satu artikel yang disiarkan dalam portal Malaysiakini pada 12 Februari 2016 yang mendakwa penama Sirul Azhar Umar telah mendedahkan lima individu yang cuba merasuah atau memujuk beliau untuk mengaitkan Perdana Menteri dalam kes pembunuhan Altantunya Shaariibu. Kes ini telah disiasat dibawah seksyen 120B dan seksyen 124C Kanun Keseksaan. Siasatan kes ini masih diteruskan.**

**Berkaitan permintaan ekstradisi Sirul Azhar Umar, ia mesti dibuat melalui saluran diplomatik dan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tertuduh seperti maklumat pengenalan tertuduh dan dokumen mengenai pertuduhan dan fakta kes. Permintaan ekstradisi hanya boleh dibuat bagi kes-kes yang boleh diekstradisi (*extraditable offences*) dan memenuhi kehendak *dual criminality* iaitu kes tersebut mestilah dianggap sebagai kes jenayah di kedua-dua negara dan hukuman bagi kesalahan tersebut di kedua-dua negara mestilah tidak kurang daripada satu tahun pemenjaraan.**

**Memandangkan kes Sirul telah mendapat liputan media antarabangsa yang luas termasuk hukuman mati yang**

**dijatuhkan ke atasnya, adalah difahamkan bahawa pengusiran Sirul ke Malaysia adalah bertentangan dengan dasar Australia yang tidak menyokong hukuman mati.**

**Permintaan ekstradisi tidak dikendalikan oleh KDN secara bersendirian, sebaliknya permintaan ekstradisi akan melibatkan perbincangan dalaman KDN dengan PDRM, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri. Proses untuk membawa pulang beliau masih lagi dalam peringkat rundingan dengan semua pihak yang terlibat.**